



KENYATAAN MEDIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

PELANTIKAN MUFTI NEGERI PERAK

Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah adalah dengan ini dimaklumkan bahawa YBhg. Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh telah diberi perkenan untuk dilantik sebagai Mufti Negeri Perak untuk tempoh dua (2) tahun berkuat kuasa 1 Ogos 2022.

2. YBhg. Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh berasal dari Gerik, Perak dan merupakan seorang tokoh pemikir Islam yang memberikan sumbangan yang besar kepada dunia akademik, penyelidikan, pendidikan serta pembangunan modal insan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Ijazah Sarjana (MA) Usul Fiqh dari Universiti Al Azhar, Mesir. Beliau memiliki pengalaman lebih 40 tahun dalam perkhidmatan awam dan bidang akademik khususnya dalam pentadbiran Islam dan pernah menjawat pelbagai jawatan penting seperti Pakar Perunding Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM), Rektor Kolej Islam Darul Ridzuan, Mufti Wilayah Persekutuan dan Felo Kehormat Kanan Universiti Islam Malaysia. Selain itu, YBhg. Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh juga kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).

Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
17 Jun 2022